



### KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

| BIL | TAJUK KERJA  |
|-----|--|
| 1   | No. Tender : <b>MPK/JK/600-13/4/44 (2018)</b><br><b>KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG DI JALAN SERULING 57, TAMAN KLANG JAYA, KLANG SELATAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA</b>  |
| 2   | No. Tender : <b>MPK/JK/600-13/2/27 (2018)</b><br><b>KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN SERI SEDELI 2,3,4,5,6, LORONG SERI SEDELI 1A,1B, SOLOK SERI SEDELI 2A,2B, LENGKUNGAN SERI SEDELI DAN LORONG BELAKANG, TAMAN SERI ANDALAS, KLANG SELATAN, SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA</b> |
| 3   | No. Tender : <b>MPK/JK/600- 13/2/22 (2018)</b><br><b>KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN HULUBALANG 10, LORONG HULUBALANG 10A,10B,10C DAN SEBAHAGIAN JALAN HULUBALANG 11, LORONG TEPI DAN BELAKANG, TAMAN SENTOSA, KLANG SELATAN, SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA</b>                |

| TARAF TENDER & SYARAT-SYARAT PENDFTARAN  | LAWATAN TAPAK (TARIKH DAN TEMPAT BERKUMPUL   | TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL   | TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP  |
|--|--|--|---|
| BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G3<br>KATEGORI CE & PENGKHUSUSAN CE21 & CE01 & SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) OLEH CIDB & BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR & UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN) | LAWATAN (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN)<br><br>TARIKH 11/05/2018 (JUMAAT)<br>MASA PENDAFTARAN : 9.00 - 10.00 pg<br>MASA LAWATAN : 10.00 pg<br>TEMPAT BERKUMPUL : Mini Auditorium, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana<br><br>Nota :<br><i>Dokumen Tender hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri lawatan tapak sahaja.</i> | MULAI : 15/05/2018 (SELASA)<br>Penjualan secara Online<br><br>* Sila kemaskini maklumat syarikat dalam laman web <a href="http://tender.selangor.gov.my">http://tender.selangor.gov.my</a> untuk melancarkan proses pembelian dokumen. | TARIKH TUTUP : 04/06/2018 (ISNIN)<br>JAM : 12.00 TENGAH HARI<br>Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber)<br>Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang<br>Selangor Darul Ehsan<br><br>TENDER yang lewat diterima tidak akan dilayan. |

#### SYARAT-SYARAT :-

1. Setiap dokumen Tender dijual dengan harga RM 60.00 secara online. Pembayaran boleh dibuat secara kredit kad dan debit kad.
2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **15 MEI 2018** di laman web <http://tender.selangor.gov.my> di setiap bahagian iklan yang dipamerkan.
3. Petender perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Tender dan mengemaskini maklumat pendaftaran **UPEN** dan **CIDB**. Sekiranya gagal berbuat demikian Petender adalah tidak layak untuk membeli dokumen Tender tersebut.
4. Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti tertera di atas.
5. Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
6. Hanya **Penama** di dalam **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak.
7. Petender adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri lawatan tapak yang akan diadakan pada **11 MEI 2018** jam 9.00 - 9.30 pagi berkumpul di Mini Auditorium, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat.
8. Petender yang tidak menghadiri lawatan tapak / taklimat tidak layak untuk menyertai Tender.
9. Petender dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (**SPKK**) oleh **CIDB**, kad pengenalan dan **Cop Syarikat** semasa hari taklimat.
10. Petender perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender dan Syarat-syarat Membuat Tender di dalam Dokumen Tender sebelum mengemukakan Tender. Jika dokumen Tender yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.

11. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
12. Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **03 Jun 2018**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-3375 8014.

Disediakan oleh :

**BAHAGIAN UKUR BAHAN**  
**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**